

03 FEB 1998

PRESIDEN BANK DUNIA TEMUI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) -- Presiden Bank Dunia James Wolfensohn menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini bagi membincangkan kesan krisis kewangan terhadap Malaysia.

Wolfensohn tiba semalam sebagai sebahagian daripada kunjungannya ke enam negara Asia bagi menilai kesan krisis itu di rantau ini dan bagi menawarkan sokongan untuk reformasi kewangan, sosial dan pembangunan.

Beliau telah melawat Singapura serta Thailand dan akan ke Indonesia, Filipina dan Korea Selatan.

Semasa di Singapura, Wolfensohn berkata program Malaysia untuk mengatasi masalah kewangan dan ekonomi sekarang terbukti berkesan, dan menurut beliau, Malaysia berupaya menangani krisis itu. -- BERNAMA

HS MAI